

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB DATO' SERI HAJI MUKHRIZ
BIN TUN DR. MAHATHIR [JERLUN]**

TARIKH : 10 OKTOBER 2019

SOALAN

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah langkah-langkah pemerkasaan belia dalam sektor ekonomi dan keusahawanan bagi menunaikan ikrar Kerajaan untuk meningkat pembabitan golongan muda dalam arus perdana pembangunan negara.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Kementerian Belia dan Sukan telah menjalankan inisiatif program-program pemerkasaan belia dalam sektor ekonomi dan keusahawanan. Inisiatif kementerian merangkumi beberapa kluster termasuk dari segi pembangunan ekonomi yang menerapkan nilai keusahawanan sebagai salah satu sumber pendapatan serta meningkatkan pembabitan golongan muda dalam pembangunan negara. Antara program yang dilaksanakan seperti:

(a) Program *Youth Career (Y-Career)* telah dilaksanakan semenjak tahun 2018 sehingga 2019. Setiap tahun Jabatan Belia dan Sukan Negara (JBSN) dengan kerjasama setiap JBS Negeri akan menganjurkan program *Y-Career* yang bertujuan membantu belia B40 (bandar dan luar bandar) mengikuti latihan kemahiran khusus

SOALAN NO : 21

yang turut diterapkan dalam kalangan golongan sasaran bagi membantu membina jati diri serta melengkapkan diri dengan kemahiran-kemahiran asas dalam menempuh alam pekerjaan. Sehingga Oktober 2019, jumlah penyertaan adalah seramai 414 peserta secara keseluruhannya.

(b) Program Pembangunan Usahawan Digital (*Young Heroes*) telah dilaksanakan semenjak tahun 2018 dengan projek rintis dan diteruskan sehingga 2019. Penganjuran program ini bertujuan untuk meningkatkan pendapatan dan mengembangkan perniagaan melalui platform perniagaan atas talian kepada usahawan-usahawan belia. Bengkel ini dilaksanakan di semua zon di seluruh negara dan sehingga Oktober 2019 jumlah penyertaan adalah seramai 115 orang.

(c) Program Keusahawanan Belia Bestari atau *B-Best* mengutamakan belia minoriti (berisiko) bertujuan mencetuskan kesedaran, keinsafan dan membangunkan jati diri para belia serta membuka peluang kepada mereka untuk membina kerjaya hidup yang cemerlang. Program dilaksanakan dengan kerjasama Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dalam mengenal pasti belia berisiko yang terdiri daripada mereka dari Sekolah Tunas Bakti serta agensi-agensinya di bawah JKM. Program dimulakan dengan projek rintis pada tahun 2018 dengan seramai 12 orang peserta. Pada tahun 2019 seramai 75 orang peserta terlibat mewakili tiga (3) zon.

(d) Program Karnival *Youth Business Expo* (Ybex) sebagai platform usahawan belia menjalinkan hubungan dengan pemain industri korporat dan menambah peluang pekerjaan dan latihan. Karnival ini dilaksanakan di peringkat negeri dengan jumlah penyertaan seramai 30,000 orang peserta secara keseluruhan.

(e) Bagi memastikan pembangunan belia yang berada dalam bidang keusahawanan, kementerian dengan bidang kuasa yang ada telah merancang satu program khas yang dinamakan "*Skills Training*

SOALAN NO : 21

At Risk @Youth” atau STAR@U : *My Future Youth Plus*. Program yang dilaksanakan ini bukan sahaja memberi ruang dan peluang kepada lebih ramai belia mendapat kemahiran, ianya juga meningkatkan peluang belia menceburi bidang keusahawanan.

Bagi tahun 2019, 70 program *Myfuture Youth Plus* dilaksanakan melibatkan 21 Institusi Latihan Kemahiran Belia dan Sukan (ILKBS). Seramai 727 belia yang berjaya dilatih menerusi program tersebut. Berdasarkan kajian impak yang dijalankan 9.2% telah menjadi usahawan hasil daripada program tersebut.

(f) Kementerian juga turut menerapkan budaya keusahawanan dalam kalangan pelajar ILKBS. Beberapa program telah diadakan di peringkat ILKBS seperti:

- i. Penguatkuasaan silibus baharu Keusahawanan Digital pada sesi 1/2020 menambah baik silibus keusahawanan sedia ada, bertujuan melahirkan graduan berkemahiran bukan sahaja dalam bidang teknikal, malah berpotensi menjadi usahawan yang berdaya saing di era ekonomi digital masa kini; dan
- ii. Penubuhan projek inkubator program keusahawanan di ILKBS bagi melatih pelajar semester akhir mengaplikasikan kemahiran sebelum keluar membangunkan bisnes sendiri.

(g) KBS turut memperkasakan belia dalam sektor ekonomi dan keusahawanan melalui kursus-kursus instruktur kecergasan dan rekreasi secara menyeluruh di peringkat kebangsaan, negeri dan daerah. Instruktur-instruktur terlatih ini dapat menjana pendapatan melalui pelaksanaan aktiviti sukan pada waktu pagi dan petang termasuk pada hari hujung minggu di kawasan rekreasi Pihak Berkuasa Tempatan, taman rekreasi, pejabat dan agensi kerajaan serta kawasan tumpuan ramai. Sepanjang tahun 2019, Kementerian telah menganjurkan Kursus Instruktur Kecergasan Senamrobik,

SOALAN NO : 21

Gimnasium dan Kursus Rekreasi Luar di seluruh negara dengan penyertaan sehingga kini seramai 1301 orang.

(h) Program *MyCorps* merupakan Program Kepimpinan Kesukarelawanan Belia Antarabangsa yang bertujuan untuk membentuk sendiri dan jati diri Belia Malaysia melalui khidmat, sumbangan serta pengalaman dalam kerja-kerja kesukarelawanan khususnya dengan menyasarkan untuk melahirkan sukarelawan yang berpengetahuan, berkemahiran dan berdaya saing di peringkat global. Dari tahun 2015-Jun 2019, seramai 349 belia telah menyertai lapan misi di negara Kemboja, Timur Tengah, Asia Selatan, Malaysia dan ASEAN.

Sekian, terima kasih.